

## PANDUAN PENULISAN JURNAL MUAMALAT

### PENILAIAN

Artikel akan melalui proses penilaian oleh Sidang Redaksi JAKIM. Keputusan penerbitan artikel adalah berdasarkan cadangan daripada Sidang Redaksi.

### FORMAT

Artikel hendaklah ditulis dengan berpandukan format berikut:

- Program : Microsoft Word
- Jenis *font* (Rumi) : Times New Roman
- Jenis *font* (Arab) : Traditional Arabic
- Saiz *font* (Rumi) : 12
- Saiz *font* (Arab) : 16
- Jarak baris teks : 1.5
- Jarak baris nota kaki,  
terjemahan al-quran dan hadis : 1.0
- Saiz *font* catatan bawah/nota kaki : 10
- Sistem transliterasi : Rujuk LAMPIRAN A

Perkataan selain daripada Bahasa Melayu hendaklah dicondongkan (*Italic*).

### BAHASA

Artikel boleh ditulis dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dan tidak melebihi 6000 patah perkataan tidak termasuk senarai rujukan (15 hingga 25 halaman, kertas size A4).

Artikel Bahasa Melayu dan Bahasa Arab mestilah disertakan dengan tajuk dalam Bahasa Inggeris.

## ABSTRAK

Artikel yang ditulis dalam ketiga-tiga bahasa di atas mestalah disertakan dengan abstrak dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Panjang abstrak hendaklah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Pada umumnya penulisan abstrak mestalah bersifat penjelasan maklumat dan tidak bersifat penulisan kritikan.

Abstrak biasanya merangkumi maklumat yang mengandungi empat elemen seperti yang berikut:

- a. Pendahuluan yang merangkumi masalah kajian dan objektif;
- b. Metodologi kajian yang digunakan;
- c. Hasil utama kajian seperti teori baharu, istilah, tafsiran atau penilaian yang dinyatakan dengan tepat; dan
- d. Kesimpulan.

## TAJUK DAN TAJUK PERENGGAN

Tajuk utama hendaklah ditulis dengan huruf besar (*uppercase*).

Sub-tajuk hendaklah ditaip dengan huruf kecil kecuali huruf pertama bagi setiap perkataan dengan huruf besar (*title case*).

Semua tajuk utama dan sub-tajuk perlulah ditebalkan (*bold*) tulisannya.

## SISTEM NOMBOR

Sistem nombor adalah seperti yang berikut:

Item peringkat pertama:

- 1.
- 2.

Item peringkat kedua:

- a.
- b.

Item peringkat ketiga:

- i.
- ii.

Item peringkat keempat:

- a)
- b)

## TATACARA PENULISAN PETIKAN

Petikan yang disisipkan dalam satu perenggan hendaklah tidak melebih 40 patah perkataan dan mesti dimulai dan diakhiri dengan tanda petik “...”

Contoh:

Jumlah bilangan Malaikat tidak terkira banyaknya. Syeikh Daud menjelaskan: “Dan setengahnya yang dikhabarkan oleh Nabi itu adalah bagi Allah SWT beberapa Malaikat yang tiada dapat mengetahuikan dia melainkan Allah SWT”.

Petikan yang melebihi 40 patah perkataan hendaklah ditaip berasingan pada perenggan yang baharu satu setengah langkau dengan satu ensotan (*tab*) tanpa tanda petik.

Contoh:

Syeikh Daud menjelaskan bahawa setiap orang yang sudah mati akan didatangi oleh Malaikat yang akan menyoal mengenai akidah mereka sama ada mayat itu dikuburkan dalam tanah atau tidak dikuburkan dalam tanah. Syeikh Daud berkata:

Dan setengah daripada barang yang didatang dengan dia oleh khabar Rasul, soal yang hasil bagi tiap mayat di dalam kubur selain daripada para Nabi dan kanak-kanak yang belum baligh. Maka fitnah kubur itu iaitu masuk di atas mayat itu dua Malaikat salah seorang daripadanya namanya Munkar dan yang kedua namanya Nākir kemudian daripada berpaling manusia yang membawa ia ke kubur, maka didudukkan dia oleh keduanya dan bertanya keduanya daripada iktikadnya.

## PENULISAN CATATAN BAWAH/NOTA KAKI (FOOTNOTE)

Catatan bawah merupakan nota-nota di bawah sesuatu halaman tertentu yang menerangkan atau memberi maklumat tambahan mengenai perkara-perkara yang terdapat dalam kandungan teks pada halaman yang berkenaan.

Cara penomboran catatan bawah hendaklah menggunakan angka superskrip<sup>1</sup>, misalnya, pada tempat yang berkenaan pada sesuatu halaman dalam teks.

---

<sup>1</sup> Superskrip ialah aksara (angka, huruf, pecahan, atau simbol) yang dicetak ke suatu sisi aksara lain, dengan kedudukan yang ke atas sedikit.

Butiran yang perlu ditulis adalah seperti yang berikut:

- a. **Nama pengarang<sup>2</sup>**, koma
- b. **Tahun**, koma
- c. **Judul (*italic*)**, koma
- d. **Tempat**, koma
- e. **Penerbit**, koma
- f. **Jilid**, koma
- g. **Halaman**, noktah

Contoh:

<sup>30</sup> Al-Zuhaili, Wahbah, 2001, *Usul al-Fiqh al-Islami*, Dimashq, Dar al-Fikr, jld. 2, hlm.1020.

Catatan bawah bagi sesuatu rujukan untuk kali pertama hendaklah lebih lengkap daripada catatan bawah yang berikutnya bagi rujukan yang sama.

Rujukan semula kepada maklumat yang sama dalam catatan bawah hendaklah diringkaskan.

Jika sesebuah karya dirujuk berulang kali sepanjang penulisan artikel maka maklumat yang dicatat ialah seperti yang berikut:

- a. **Nama pengarang**, koma
- b. **Tahun**, koma
- c. **Jilid**, koma
- d. **Halaman**, noktah

Contoh:

<sup>31</sup> Al-Zuhaili, Wahbah, 2001, jld. 2, hlm.1064.

<sup>32</sup> Al-Zuhaili, Wahbah, 2001, jld. 4, hlm.1070.

## RUJUKAN KEPADA AL-QURAN

Semua ayat al-Quran hendaklah ditulis dalam *Rasm al-Uthmani*.

Pernomboran yang menunjukkan rujukan kepada ayat al-Quran hendaklah diletak pada akhir teks al-Quran, bukan pada akhir terjemahannya.

Butiran rujukan hendaklah ditulis dengan seperti yang berikut:

- a. **Nama surah**, koma
- b. **Bilangan surah**, titik bertindih

<sup>2</sup> Untuk pengarang yang menggunakan nama keluarga atau gelaran (*laqab*) maka ia hendaklah diletakkan dihadapan sebelum nama beliau.

c. **Bilangan ayat.**

Contoh, Firman Allah SWT:

فَلَا وَرِبَّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ...<sup>33</sup>

---

<sup>33</sup> Surah al-Nisa', 4:65.

Penulis juga hendaklah menjelaskan sumber terjemahan ayat al-Quran sekali sahaja pada catatan pertama terjemahan. Sekiranya terjemahan al-Quran pada ayat berikutnya adalah berbeza daripada sumber pertama, penulis hendaklah menyatakan sumber terjemahan yang digunakan.

Contoh:

Maksudnya: Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka...<sup>34</sup>

---

<sup>34</sup> Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan karya Abdullah Basmeih, 1987, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Ed. Kelapan.

## RUJUKAN KEPADA HADIS

Pernomboran yang menunjukkan rujukan kepada hadis hendaklah diletak pada akhir teks hadis, bukan pada akhir terjemahannya.

Butiran rujukan adalah seperti yang berikut;

- a. **Nama pengarang**, koma
- a. **Tahun**, koma
- b. **Kitab**, koma
- c. **Bab**, koma
- d. **No. Hadis**, koma
- e. **Penerbit**, koma
- f. **Jilid**, koma
- g. **Halaman**, noktah

Contohnya:

...berdasarkan hadis nabi SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- أَئِ الدَّنْبُ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ قَالَ: أَنْ تَجْعَلَ لِلَّهِ نِدًّا وَهُوَ خَلْقُكَ . قَالَ قُلْتُ لَهُ إِنَّ ذَلِكَ لَعْظِيمٌ. قَالَ قُلْتُ ثُمَّ أَئِ قَالَ : ثُمَّ أَنْ تُتَقْتَلَ وَلَدَكَ مَخَافَةٌ أَنْ يَطْعَمَ مَعَكَ. قَالَ قُلْتُ ثُمَّ أَئِ قَالَ : ثُمَّ أَنْ تُزَانِ حَلِيلَةَ جَارِكَ.<sup>35</sup>

<sup>35</sup> Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, 2001, *Mukhtasar*, Kitab Tafsir al-Quran, Bab Firman Allah SWT: fala taj'alu li Allah andada, No. Hadis 4207, Dimashq, Dar al-Fikr, jld. 4, hlm.1626.

Penulis juga hendaklah menjelaskan sumber terjemahan hadis sama ada dipetik dari buku terjemahan atau hasil terjemahan penulis sendiri.

Maksudnya: Diriwayatkan dari Abdu'Lllah b Mas'ud RA, bahawa ia berkata: aku telah bertanya kepada Rasulullah SAW: apakah dosa yang paling besar di sisi Allah SWT? Rasulullah SAW menjawab: Kamu menyekutukan Allah SWT sedangkan ia menjadikan kamu. Lalu aku berkata: ia merupakan suatu perkara yang amat besar. Lantas aku bertanya lagi: kemudian apakah pula selepasnya? Rasulullah SAW menjawab: kamu membunuh anak kamu kerana tidak mahu mereka makan bersama kamu (kerana takut miskin). Aku bertanya lagi: kemudian apakah pula wahai Rasulullah SAW? Baginda menjawab: kamu melakukan perzinaan dengan isteri jiran kamu.<sup>36</sup>

<sup>36</sup> Semua terjemahan hadis dalam tulisan ini dibuat oleh penulis sendiri, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

## PENULISAN RUJUKAN

Semua hasil kerja atau kajian yang digunakan sebagai sumber rujukan dalam artikel mestilah dimasukkan di dalam senarai rujukan.

Rujukan hendaklah ditulis secara konsisten di dalam format *American Psychological Association (APA)*. Setiap rujukan hendaklah ditulis dalam format langkau sebaris dan langkau dua baris di antara setiap rujukan. Senarai rujukan mestilah mengikut abjad dan tidak perlu dinomborkan. Jarak senarai rujukan perlu diengsotkan sebanyak 0.5 inci. Contohnya:

Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali ibn Ahmad ibn Said. 1403H/1983M. *Jamharat Asnab al -Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Abbad, Ahmad Mukhtar & Salim, al-Sayyid Abd al-Aziz. 1981. *Tarikh al-Bahriyyah al-Islamiyyah fi Misr wa al-Sham*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.

Sharir bin Mohamad Zain. 1990. *Beberapa Masalah Permulaan Dalam Sains Hayat dan Perubatan* . ed. Ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Setiap artikel perlu disertakan rujukan. Senarai rujukan hendaklah dimulakan pada halaman yang baru dengan perkataan **RUJUKAN**.

Petikan rujukan yang digunakan di dalam teks adalah seperti berikut:

- Nama pengarang
- Tahun penerbitan
- Nombor halaman rujukan (petikan yang digunakan sahaja)

Bagi ringkasan atau parafrasa , nama pengarang dan tahun penerbitan mestilah dimasukan di dalam teks sebagai rujukan. Contohnya:

Othman Puteh (1998) mengatakan bahawa sastera remaja itu hendaklah mempunyai.....

Pengguna biasanya sukar untuk menilai kualiti perkhidmatan berbanding dengan kualiti barang itu.....(Mohd Azman & Kadir Ariffin, 2012).

## JADUAL DAN RAJAH

Setiap jadual perlu mempunyai tajuk yang diletakkan di bahagian tengah atas jadual dan bermula dengan perkataan Jadual dan nombor.

Contohnya:


Jadual 1: Senarai Ahli Jawatankuasa Pemantau Portal e-Muamatat (Sehingga April 2012)

Bil	Nama/Jawatan	Catatan
1.	Mohamad bin Saari Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	Pengerusi
2	Zaizurina binti Mansor Ketua Penolong Pengarah, Sekysen Muamatat, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	Timb.Pengerusi
3.	Syahnaz binti Sulaiman Penolong Pengarah Kanan Seksyen Muamatat, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	Setiausaha
4.	Shahrul Ridhwan bin S. Ali Penolong Pengarah, Seksyen Muamatat, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	Ahli

Setiap rajah perlu mempunyai tajuk yang diletakkan di sebelah bawah rajah dan bermula dengan perkataan Rajah dan nombor.

Semua carta, graf, lukisan dan ilustrasi dirujuk sebagai rajah.

Contohnya:



Rajah 1: Jumlah pengunjung/pelayar baharu dan berulang kali di portal e-Muamalat.

## PENULISAN RUJUKAN

Berikut dinyatakan tatacara penulisan lengkap bagi buku, makalah dalam jurnal dan majalah, berita dalam akhbar, bahan tidak terbit dan seumpamanya.

### a. Rujukan Yang Lengkap Untuk Buku

Rujukan lengkap bagi buku hendaklah dimasukkan maklumat menurut urutan berikut:

- **Nama Pengarang**, noktah
- **Tahun penerbitan**, noktah
- **Judul buku (condong)**, noktah
- **Penyunting, penyusun, penterjemah** (jika ada), noktah
- **Nama siri buku dan jilid atau bilangan dalam siri** (jika ada), noktah
- **Edisi**, selain daripada edisi pertama, noktah
- **Bilangan jilid**, noktah
- **Tempat terbit**, titik bertindih
- **Penerbit**, noktah

Baris kedua rujukan hendaklah diengsot (tab) masuk ke dalam seperti contoh di bawah.

Contoh:

---

Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali ibn Ahmad ibn Said. 1403H/1983. *Jamharat Asnab al-Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. (Contoh: **Pengarang Tunggal**)

Al-Abbadi, Ahmad Mukhtar & Salim, al-Sayyid Abd al-Aziz. 1981. *Tarikh al-Bahriyyah al-Islamiyyah fi Misr wa al-Sham*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah. (Contoh: **Pengarang Bersama**)

Sharir bin Mohamad Zain. 1990. *Beberapa masalah permulaan dalam sains hayat dan perubatan*. ed. Ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. (Contoh: **Edisi cetakan**)

Hamzah Hamdani (pnys.). 1980. Esei sastera Baharuddin Zainal. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Contoh: **Karya Susunan**, pnys=penyusun)

Zakri A. Hamid. Ismail Sahid & Mohd. Nor Embi (pnyt.). 1990. *Prioriti penyelidikan untuk kemajuan sains dan teknologi*: Kumpulan Kertas Kerja 16. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. (Contoh: **Karya Suntingan**, pnyt. = penyunting)

Chamcuri Siwar. 1991. Industri padi dan beras: beberapa isu dasar, arahaliran, masalah dan prospek.

Dlm. Redzuan Othman & Mohd. Sheffie Abu Bakar (pnyt.). *Komoditi utama Malaysia: kepentingan, masalah dan prospek*, hlm. 100-125. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Contoh: **Bab Dalam Buku**, Dlm.= Dalam).

### b. Rujukan Lengkap Bagi Artikel Dalam Jurnal, Majalah dan Akhbar

Berikan maklumat selengkap mungkin seperti yang berikut:

- **Nama Pengarang**, noktah
- **Tahun**, noktah
- **Judul Makalah**, noktah
- **Nama jurnal** (condong)
- **Nombor Jilid**
- **Nombor keluaran** (dalam tanda kurung), kolon
- **Halaman seluruh makalah**, noktah

Contoh:

---

Mohammad Haji Alias. 1988. Pembinaan dan pemilihan model respons penawaran Pengeluar getah asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 18:3-25. (Contoh: **Artikel jurnal, Pengarang Tunggal**)

Ikram M. Said, Laily Din, Samsudin, M.W., Zuriati Zakaria, Nik Idris Yusoff, Ujang Suki, Aminah Manap, Zainuddin Ibrahim, A. & Latiff, A. 1990. A phytochemical survey of Ulu Kinchin, Pahang, Malaysia: the Rompin Endau Expedition. *Malayan Nature Journal* 43:260-266. (Contoh: **Artikel jurnal, Pengarang Bersama**)

Ismail Hamid. 1990. Sastera kitab. *Dewan Sastera*, Mei 79-83. (Contoh: **Makalah Dalam Majalah**)

Faisal Othman. 1992. Jaga kepentingan umum asas pemerintahan Islam. *Utusan Malaysia*, 30 Oktober: 6 (Contoh: **Makalah Dalam Akhbar, Dengan Pengarang**)

Mingguan Malaysia. 1992. Masjid di Algeria jadi medan latihan golongan pelampau. 23 Februari: 10. (Contoh: **Makalah Dalam Akhbar, Tanpa Pengarang**)

Kandau Sidi. 2000. Kutu rayau cemar Kuala Lumpur. *Berita Harian*, 5 Julai: 17. (Contoh: **Berita Dalam Akhbar, Berita/rencana dengan nama penulis**)

Telefon bimbit bukan sekadar penghubung. 2000. *Berita Harian*, 5 Julai: 24 (Contoh: **Berita Dalam Akhbar, Berita/rencana tanpa nama penulis**)

### c. Rujukan Lengkap Bagi Rujukan Elektronik

Suruhanjaya Sekuriti. 2009. Dana Unit Amanah di Malaysia-Ringkasan Statistik [http://www.sc.com.my/\\_main.asp?pageid=658&menuid+751&newsid=&linkid=&type=](http://www.sc.com.my/_main.asp?pageid=658&menuid+751&newsid=&linkid=&type=). (13 Januari 2019).

### d. Rujukan Lengkap Bagi Bahan Tidak Terbit

Berikan maklumat selengkap mungkin seperti berikut:

- **Nama pengarang**, noktah
- **Tahun**, noktah
- **Judul**, noktah
- **Nombor Folio**, nombor kotak tempat bahan disimpan atau mana-mana tanda pengenalan yang lain, koma
- **Nama koleksi**, noktah

- **Nama tempat** (Institut, Bandar, negeri) bahan tersebut disimpan, koma
- **Tarikh**, noktah

Contoh:

---

Alfitra Salam. 1999. Kerjasama dan potensi konflik dalam hubungan Indonesia-Malaysia 1966-1991. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia. (Contoh:**Tesis**)

Ibrahim bin Haji Hashim. 1974. Peranan dan pengurusan zakat di Negeri Kedah. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia. (Contoh:**Latihan ilmiah**)

Abdul Majid Mat Salleh. 1990. Tren pertumbuhan dan perubahan penduduk: Implikasi, Prospek dan cabaran bagi masa hadapan. Kertas kerja Persidangan Kependudukan Dan Orientasi Pembangunan Menjelang Abad Ke 21. Universiti Kebangsaan Malaysia, Sabah, 10-11 Disember. (Contoh:**Kertas kerja dan abstrak persidangan dan sebagainya**)

Laporan Unit Pengurusan dan Pentadbiran (URT). 1988. Mesyuarat pengetua-pengetua Maktab Perguruan Malaysia kali Kedua. Maktab Perguruan Lembah Pantai Kuala Lumpur, 15-16 September. (Contoh: **Laporan**)

Minit Mesyuarat Pengetua-Pengetua Maktab Perguruan Malaysia Kali Kedua. 1989. Lumut, Perak D.r., 7-9 Ogos. (Contoh: **Minit mesyuarat**)

Abdullah Hj. Mohd. Salleh. 1999. Sejarah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur. Temubual, 12 Mei. (Contoh: **Temu bual**)

## SENARAI SINGKATAN

AS	‘Alayhi al-Salam
RA	Radi Allah ‘Anhu
SAW	Salla Allahu ‘Alayhi wa Sallam
SWT	Subhanhu wa Taala
t.th	Tanpa tarikh
t.tp	Tanpa tempat
t.pt	Tanpa penerbit
pnyt.	Penyunting
jld.	Jilid
bil.	Bilangan
hlm.	Halaman
M	Masihi
H	Hijrah
m.	Mati
ed.	Edisi
pnyss.	Penyusun
dlm.	Dalam
sun.	Suntingan
terj.	Terjemahan